



Anwar hadir merasmikan Forum Khazanah Megatrend 2024, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto bernama)

Sedia ambil langkah tak popular demi masa depan negara

Kerajaan MADANI perlu berani laksana reformasi makmurkan hidup rakyat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedia mengambil langkah tidak popular, termasuk melaksanakan rasionalisasi subsidi demi masa depan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pentadbiran sekarang terpaksa mengumpulkan keberanian politik yang teguh untuk membuat langkah tegas walaupun berisiko menghadapi ketidakpopularan.

"Jika kerajaan memilih untuk tidak berbuat apa-apa walaupun sedar bahawa keadaan semasa akan membawa Malaysia ke arah kebangkrapan, maka itu adalah pengabaian tugas moral dalam tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab.

"Dalam hal ini, daripada menuruti desakan populis, tadbir urus yang bertanggungjawab menuntut kita kadangkala bertindak berani dan menghadapi cabaran secara langsung.

"Itulah yang kerajaan lakukan pada Mei lalu apabila kami memutuskan untuk melaksanakan pelan rasionalisasi subsidi die-

sel," katanya dalam ucapan perasmiannya pada Forum Khazanah Megatrends 2024, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menegaskan, pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel, tarif elektrik dan pengurangan harga barang sebelum ini bukan untuk menyebabkan kesakitan atau penderitaan kepada rakyat.

Sebaliknya, beliau berkata, berbilion ringgit yang dijamin daripada tindakan itu kini sedang disalurkan semula kepada rakyat melalui subsidi lain dan pemindahan tUnai.

"Itulah yang kerajaan lakukan dan akan terus lakukan, seiring usaha kami meneruskan pembaharuan struktur secara berani," katanya.

Anwar juga menegaskan golongan kaya dan industri besar juga perlu terus membayar (cukai) kepada kerajaan bagi memastikan rakyat dapat menikmati subsidi yang layak diterima.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menegaskan kerajaannya tidak seperti kerajaan terdahulu yang sering terperangkap dalam situasi kegagalan untuk bertindak.

Katanya, kerajaan juga komited melaksanakan tadbir urus,

kebertanggungjawaban dan keadilan sosial, iaitu dengan memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi diagihkan secara adil serta saksama.

"Setiap rakyat berpeluang untuk maju. Mereka yang ditugaskan melaksanakan dasar kerajaan mesti mematuhi standard tertinggi dalam tanggungjawab, ketelusan dan akautabiliti.

"Kerajaan juga tidak akan berkompromi dalam kempen menentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Pembaharuan struktur juga harus membawa erti keberanian dan komitmen teguh untuk ambil tindakan terhadap penjenayah, pengaut keuntungan yang tidak beretika dan penyalah guna kuasa yang jahat, tanpa rasa takut atau pilih kasih," katanya.

Mengenai cabaran serantau dan global, Anwar memberi jaminan kerajaan tidak akan ambil mudah atau berpuas hati dengan pencapaiannya, sebaliknya akan terus berwaspada kepada cabaran persekitaran.

Ia penting walaupun usaha pembaharuan struktur negara membuahkan hasil sebagaimana dibuktikan oleh prestasi ringgit yang mengukuh, lonjakan pelaburan serta trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada komuniti pelaburan kita, baik asing dan domestik di atas kepercayaan serta keyakinan mereka terhadap ekonomi Malaysia, selain tadbir urus, kedaulatan undang-undang dan kestabilan politik kita," katanya.